

04/12/1999

Apabila pemilihan calon tidak diberi perhatian

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

BARISAN Nasional (BN) menang, tetapi Umno dikatakan `tewas' walaupun dapat menangkis percubaan Pas menawan Kedah. Itulah rumusan ramai pihak hasil keputusan pilihan raya umum ke-10 awal minggu ini.

Rumusan itu dibuat berdasarkan kenyataan yang turut dikongsi oleh pemimpin dan ahli Umno, pengundi serta pemimpin parti komponen BN. Ia kerana walaupun Pas hanya menang 12 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding 24 BN, parti pembangkang itu merampas lapan kerusi Parlimen yang sebelum ini dimiliki selesa oleh Umno. Malahan Padang Terap, Yan dan Sik yang menjadi kubu kuat Umno turut dirampas walaupun dengan majoriti tipis.

Tambahan pula perbezaan kerusi DUN yang dimiliki oleh Umno dengan Pas juga tidak banyak, iaitu 16 Umno dan 12 Pas kerana baki lapan kerusi DUN yang dimenangi BN ialah menerusi komponen MCA, MIC dan Gerakan.

Justeru, jika berdasarkan angka, kejayaan BN mendapat 24 daripada 36 kerusi DUN untuk menggenapkan pencapaian dua pertiga adalah atas `bantuan' MCA dengan empat kerusi dan Gerakan serta MIC, masing-masing menyumbangkan dua kerusi.

Bagi kerusi Parlimen pula Umno, menang lima daripada 13 kawasan tempatnya bertanding, manakala Pas hanya tewas dua daripada 10 kawasan yang ditandingi. Dua kawasan yang Pas gagal ialah di Parlimen Kubang Pasu (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Langkawi (Datuk Abu Bakar Taib). Sesetengah pendapat menyatakan kegagalan Pas di Kubang Pasu adalah kerana calonnya Dr Mahathir, manakala di Langkawi kerana sokongan kukuh ahli Umno kepada Abu Bakar.

Seorang bekas Ketua Umno bahagian menggarap jika calon lain yang bertanding di Kubang Pasu dan Langkawi, Pas mungkin telah menyapu bersih semua 10 kawasan Parlimen yang ditandingi.

Malah, penduduk Langkawi yang sayang kepada Abu Bakar dikatakan `sudah bersedia' untuk memenangkan calon Pas, jika Abu Bakar tidak dicalonkan. Jika ini berlaku, keputusan DUN Kuah yang dimenangi Tan Sri Sanusi Junid mungkin menjadi sebaliknya.

Tiga kawasan Parlimen yang tidak ditandingi Pas, sebaliknya diserahkan kepada Keadilan tetapi kalah ialah Merbok (Tun Daim Zainuddin), Kulim-Bandar Baharu (Datuk Kadir Sheikh Fadzir) dan Sungai Petani (Prof Madya Datuk Mahadzir Mohd Akhir).

Dua lagi kawasan Parlimen yang dimenangi oleh BN ialah menerusi MCA, masing-masing di Alor Star dan Padang Serai dengan mengalahkan calon Keadilan. Ini menunjukkan bahawa Keadilan tidak langsung mendapat tempat di Kedah di mana semua calonnya yang bertanding di kawasan DUN juga tewas.

Persoalannya, mengapa prestasi Umno begitu merosot sekali berbanding peningkatan Pas. Ramai yang mahukan jawapannya kerana komponen BN lain menang 100 peratus di DUN dan Parlimen, tetapi kekuatan Umno digugat Pas pada kali ini.

Ramai menyatakan ia adalah sebahagian `aliran perubahan' yang melanda seluruh negara kerana undi calon Umno dan parti komponen lain turut merosot. Ada juga yang menyatakan kemerosotan pencapaian Umno Kedah adalah akibat serangan hebat Pas di negeri utara, termasuk Terengganu dan Perlis.

Tetapi, kenapa Terengganu sahaja yang berjaya dirampas, tidak Perlis? Pas begitu yakin mampu menawan Perlis berikutan apa yang dianggapnya sebagai angin perubahan rakyat negeri itu selepas memenangi pilihan raya kecil parlimen Arau tahun lalu.